

# **TEKS UCAPAN**

**YB. TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR**

**MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN**

**KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT**

**KRUBONG, MELAKA**

**PADA 20 MAC 2018,**

**JAM 9.00 MALAM**

**BERTEMPAT DI TAPAK PROJEK PPR KRUBONG, MELAKA**

Yang saya muliakan,

Saudara Pengacara Majlis,

YAB Datuk Seri Utama Ir. Hj. Idris Bin Hj. Haron

Ketua Menteri Melaka

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan

Tempatan

YB. Datuk Hj. Sazali Bin Muhd Din

Timbalan Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar, Kerajaan  
Tempatan Dan Alam Sekitar Negeri Melaka merangkap ADUN Paya  
Rumput

YBrs. Tuan N.Jayaselan  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perumahan Negara

Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen dan ADUN Kawasan

YB Datuk-Datuk, YBhg. Datuk-Datuk, Dif-dif Kehormat, pemimpin-  
pemimpin masyarakat, penduduk-penduduk di kawasan Krubong,  
Melaka dan tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati.

Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam Negaraku Malaysia.

1. Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya  
dapat kita bersama-sama bertemu pada malam yang ceria ini dalam  
Majlis Perasmian Program Perumahan Rakyat (PPR) Krubong,  
Melaka. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih  
kepada YAB Datuk Seri Utama Ir. Haji Idris bin Haji Haron, Ketua  
Menteri Melaka dan Datuk Hj. Sazali Bin Muhd Din, Timbalan Exco  
Perumahan, Kesejahteraan Bandar, Kerajaan Tempatan Dan Alam  
Sekitar Negeri Melaka merangkap ADUN Paya Rumput yang sudi

menjemput saya bagi menyempurnakan majlis pada malam ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada majlis yang amat bermakna, terutamanya kepada penduduk di Krubong dan warga Melaka seluruhnya.

**Para Hadirin Yang DiHormati sekalian,**

2. Kemudahan perumahan merupakan satu keperluan kehidupan rakyat yang tidak dapat tidak, perlu disediakan oleh mana-mana Kerajaan. Sehubungan dengan hasrat ini, penyediaan kemudahan perumahan kepada setiap lapisan masyarakat yang memerlukannya merupakan sebahagian daripada agenda sosial Kerajaan bagi menjamin kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

3. Justeru, Kerajaan sentiasa komited dan berpegang kepada janji untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan selesa serta mampu disewa atau dibeli bagi memenuhi keperluan tempat kediaman semua golongan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Matlamatnya, tidak lain tidak bukan adalah untuk meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat di setiap

pelosok negara dan memastikan tiada seorang pun daripada rakyat negara ini tertinggal daripada menikmati kepesatan arus pembangunan negara.

4. Mencapai status negara maju akan menjadi lebih bermakna sekiranya agihan kemakmuran dapat dinikmati secara saksama. Pembangunan sektor perumahan adalah salah satu daripada pendekatan strategik ke arah mencapai matlamat untuk mensejahterakan rakyat. Harapan kita, agar rakyat dapat menjalani kehidupan yang harmoni dan sejahtera dalam persekitaran perumahan yang kondusif serta dapat menyokong pemantapan integrasi nasional selaras dengan Wawasan Negara Maju 2020 serta Transformasi Nasional 2050 (TN50).

5. Bagi mencapai matlamat tersebut, kerajaan telah melaksanakan **Dasar Perumahan Negara** bagi memandu, mengurus dan menyelaraskan perancangan dan pembangunan sektor perumahan ke tahap yang lebih efisien dan sistematik. Tujuan utama dasar ini digubal adalah untuk mewujudkan sektor perumahan yang mampan, cekap dan berdaya saing serta mampu menyumbang

kepada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui dasar ini, pendekatan yang komprehensif telah diperkenalkan untuk meningkatkan aksesibiliti rakyat bagi memiliki atau menyewa rumah yang dibina oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Selaras dengan arus pembangunan yang semakin pesat dan mendepani cabaran semasa, Kerajaan telah meneliti semula Dasar Perumahan bagi memastikan tiada kelompok masyarakat atau individu yang tertinggal daripada menikmati kemudahan ini. Oleh itu, Kerajaan melalui KPKT telah selesai menggubal Dasar Perumahan Negara 2.0 yang akan diumumkan dalam tempoh terdekat.

**Para Hadirin Yang DiHormati sekalian,**

6. Kerajaan melalui pelbagai program bantuan dan agensi perumahan telah membantu rakyat golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk memiliki rumah dengan melaksanakan program-program seperti Program Perumahan Rakyat (**PPR**), Program Perumahan 1Malaysia (**PRIMA**), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (**PPA1M**), Rumah Mampu Milik Wilayah

Persekutuan (**RUMAWIP**) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (**SPNB**).

7. Sepanjang tempoh RMKe-8 sehingga kini, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan lebih daripada **RM6 billion** bagi melaksanakan Program Perumahan Rakyat di seluruh negara yang melibatkan **125 projek siap** yang telah memberi manfaat kepada **85,198 keluarga** di seluruh negara. Kerajaan juga sedang membina dan merancang **80 projek PPR** lagi di seluruh negara yang akan memanfaatkan lebih **33,052 keluarga**. Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional begitu komited untuk menyediakan perumahan PPR pada masa hadapan, memandangkan projek PPR telah diterima dengan baik dan begitu dekat di hati rakyat.

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

8. Bukan itu sahaja, bahkan Kerajaan telah memperkenalkan skim yang berbentuk **subsidi** dan **insentif** agar rakyat dapat memiliki Rumah Mampu Milik seperti **Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome)** dan **Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (Skim**

**Mydeposit)** yang memberikan **subsidi** dan **insentif** sehingga RM30,000 bagi pembelian rumah pertama. Untuk golongan belia yang tinggal di bandar pula, Kerajaan ada menyediakan **Rumah Transit Rumah Transit 1Malaysia (RT1M)** dan **Rumah Transit Belia (MyTransit)**, khusus bagi belia yang menetap dan mencari rezeki di bandar. Selain itu, sekiranya anda memiliki **tanah**, anda boleh memohon Skim Pinjaman Perumahan (**SPP**) di bawah KPKT dan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (**RMR1M**) di bawah SPNB.

9. Jaminan saya ialah Kerajaan Barisan Nasional tidak akan berhenti setakat bantuan-bantuan ini sahaja. Kerajaan akan terus mencari inisiatif lain dan berusaha gigih agar rakyat dapat memiliki rumah yang selesa. Oleh yang demikian, peluang yang ada di hadapan mata dan insentif serta bantuan-bantuan ini perlu dimanfaatkan oleh tuan-tuan dan puan-puan. Ini lah bukti bahawa Kerajaan yang sedia ada ini amat prihatin dan sentiasa mendengar serta bersedia memenuhi kehendak rakyat. Segala-gala yang kita usahakan ini adalah demi kesejahteraan rakyat seluruhnya.

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

10. Saya dimaklumkan bahawa, Projek PPR Krubong, Melaka ini melibatkan pembinaan sebanyak **600 unit rumah** pangsapuri kos rendah berkeluasan **700 kaki persegi** dengan kos projek bernilai **RM101 juta**. Dengan kata lain, ini bermakna kos pembinaan seunit rumah di PPR ini menelan belanja sebanyak **RM168,333.00 seunit**. PPR ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti surau, tadika, kedai dan gerai, dewan serbaguna, taman permainan kanak-kanak, tempat letak kereta, dan sebagainya untuk kemudahan peserta. Penyediaan PPR ini pastinya telah memberikan kemudahan perumahan kepada rakyat di kawasan Krubong khususnya dan negeri Melaka amnya. Kerajaan bukan sahaja membina atau menyediakan rumah semata-mata, malah menyediakan kehidupan kondusif bagi membolehkan penghuni-penghuni menikmati kemudahan sama seperti yang dinikmati oleh penghuni di pangsapuri-pangsapuri kos sederhana yang lain. Kita tidak mahu penghuni-penghuni rumah PPR ini tertinggal dari aspek kemudahan fasiliti, infrastuktur, riadah dan rekreasi. Ini menggambarkan keprihatinan Kerajaan Persekutuan yang sentiasa berusaha bagi menyediakan kemudahan perumahan yang terbaik untuk setiap



lapisan masyarakat terutamanya rakyat berpendapatan rendah dan golongan setinggan.

11. Justeru, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah menyediakan tapak di lokasi yang strategik ini, serta menguruskan pentadbiran dan kebajikan penghuni-penghuni PPR Krubong dan PPR di negeri ini. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam pembangunan projek PPR ini.

12. Untuk makluman, di Negeri Melaka sahaja, Kerajaan telah membina dan menyiapkan sebanyak **1,436 unit PPR** iaitu PPR Batu Berendam (336 unit), PPR Krubong (600 unit) dan PPR Tehel (500 unit) serta sedang membina **255 unit** rumah lagi di PPR Kelebang. Bagi menzahirkan lagi hasrat murni Kerajaan untuk mensejahterakan rakyat, **sukacita saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah merancang untuk membina 620 unit lagi rumah PPR di negeri Melaka** iaitu PPR Tangga Batu (120 unit) dan PPR Cheng (500 unit) dalam waktu terdekat. Ini akan menjadikan

jumlah keseluruhan PPR di Negeri Melaka adalah sebanyak **2,311 unit.**

13. Pada kesempatan ini, saya mengharapkan agar penduduk yang menerima kemudahan perumahan PPR ini supaya bersama-sama menghargai dan menjaga segala kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dengan sebaik-baiknya supaya kemudahan ini dapat digunakan dalam jangka masa yang lama. Saya juga berharap agar penduduk di rumah PPR ini sentiasa menjaga keharmonian dan hidup dalam keadaan aman damai serta sejahtera. Semoga segala hasrat murni kita ini diberkati oleh Allah S.W.T

**YAB Datuk Seri Utama, YB Menteri dan Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

14. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Datuk Seri Utama Idris bin Haron, Ketua Menteri Melaka; Timbalan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka; Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen dan ADUN kawasan; Ketua-ketua Jabatan di peringkat

Persekutuan dan Negeri; pemimpin-pemimpin masyarakat, tuan-tuan dan puan-puan yang turut serta menjayakan majlis pada malam ini. Ucapan tahniah dan penghargaan juga tidak dilupakan kepada pihak Urus Setia Majlis yang terdiri daripada pelbagai agensi kerana telah mengatur persiapan majlis dengan begitu meriah pada malam ini. **Dengan lafaz Bismilillahirahmannirahim, saya dengan ini merasmikan Program Perumahan Rakyat Krubong, Melaka.**

**Sekian.**

**Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**